

13/10/1999

Rancangan mengalih perhatian ramai

Teropong Biru Kedah

PENAKUAN pihak hospital bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak diracuni seperti yang didakwa itu, membuktikan kerajaan adalah pihak yang benar dan telus.

Bagi saya peristiwa ini memang dirancang dan berniat jahat. Anwar dengan kedudukannya sekarang ini akan berbuat apa sahaja yang boleh mengalih perhatian kes liwat yang mengaib diri, keluarga dan pengikutnya.

Pada hemat saya orang ramai hendaklah mengambil pengajaran apa yang sedang berlaku di kalangan pembangkang yang cuba mengambil kesempatan membohongi dan menipu rakyat dengan isu ini. Kalau pemimpin dan pengikut parti Keadilan bersikap jahat dan pembohong saya tidak hairan kerana perjuangan mereka bukan berlandaskan Islam.

Lebih menghairankan saya sikap ulama Pas yang telah melantik diri mereka 'ulama', sebelum pun apa-apa keputusan dikeluarkan oleh pihak yang menjalankan penyiasatan tentang keracunan itu, mereka bersikap macam orang jahil. Harakah keluaran 24 September melaporkan ulama Pas menghina Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Umno yang lain kononya zalim dan pelbagai lagi.

Rakyat terutama orang Islam hendaklah tahu menilai sikap dan kelakuan seorang ulama sebenar. Manusia boleh berlakon dengan bermacam tayangan seperti, jubah, serban, janggut dan sebagainya. Apa yang mesti kita perhatikan ialah sifat dan kelakuannya. Bercakap bohong dan menghina orang lain bukan sifat ulama.